

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA HADAPAN



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

Fi di hospital awam ikut kemampuan

Kertas Putih Kesihatan syor struktur bayaran khidmat dikaji

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kertas Putih Kesihatan yang didedahkan kepada orang awam mulai semalam, mencadangkan supaya struktur fi rendah yang dikenakan klinik, hospital dan fasiliti penjagaan kesihatan awam lain selama ini, dikaji dan disemak semula supaya lebih sepadan dengan kemampuan pesakit.

Berdasarkan dokumen setebal 57 halaman itu, reformasi berkenaan dicadangkan untuk menyasar subsidi penjagaan kesihatan dengan lebih baik.

Jelasnya, langkah itu juga akan memastikan kesaksamaan dalam pembiayaan kesihatan dan isi rumah berpendapatan rendah mampu membayar perkhidmatan penjagaan kesihatan.

"Kadar fi rendah yang dikenakan fasiliti penjagaan kesihatan awam adalah antara ciri sistem kesihatan negara yang amat dihargai rakyat, di mana ia membolehkan akses kepada sistem kesihatan pada kos yang berpatutan.

"Namun, struktur fi yang sama untuk semua menyumbang ke-

pada ketidaksetaraan besar di antara bayaran yang dikenakan berbanding dengan kos penyediaan dan keupayaan untuk membayar, terutama dalam kalangan isi rumah berpendapatan tinggi.

"Untuk menambah baik kemampuan pembiayaan penjagaan kesihatan awam, kadar fi yang dikenakan di fasiliti penjagaan kesihatan awam akan dikaji semula agar lebih sepadan dengan tahap kemampuan," katanya.

Pada masa sama, Kertas Putih Kesihatan itu turut mencadangkan jaringan keselamatan isi rumah berpendapatan rendah dikekalkan.

Bagi tujuan itu, opsyen skim caruman progresif akan dikaji untuk mempelbagaikan sumber pembiayaan kesihatan bagi memastikan kemampuan pembiayaan kesihatan.

Katanya, satu pakej manfaat kesihatan yang menyenaraikan perkhidmatan kesihatan dan ubat-ubatan yang boleh diakses rakyat, sama ada di sektor awam atau swasta dengan kadar fi yang berpatutan akan dibangunkan.

Katanya, pakej manfaat itu akan dibiayai melalui dana kesihatan khusus di bawah penguasaan Pembeli Strategik bukan berasaskan keuntungan yang ditadbir melalui pelaporan dan pengawasan jelas dan berkesan.

"Usaha ini meningkatkan perkongsian risiko kesihatan dan kewangan dalam kalangan penduduk, di samping mengurangkan perbelanjaan duit poket sendiri dan perbelanjaan kesihatan yang

memudaratkan.

"Peranan Pembeli Strategik akan diperkukuhkan untuk membolehkan perolehan perkhidmatan penjagaan kesihatan daripada sektor awam dan swasta melalui model pembayaran yang inovatif dan berasaskan nilai," katanya.

Langkah reformasi

Sementara itu, Kertas Putih Kesihatan yang memperincikan langkah reformasi sektor kesihatan dalam tempoh 15 tahun akan datang, boleh diakses orang ramai menerusi laman sesawang Parlimen, bermula semalam.

Dokumen setebal 57 halaman itu antara lain memperincikan cabaran dan jurang dihadapi sektor kesihatan negara serta strategi reformasi kesihatan yang dicadangkan.

Ia menyentuh pelbagai isu merangkumi penyakit tidak berjangkit, kemunculan penyakit berjangkit baharu dan lama, penuaan masyarakat, kesihatan mental, perubahan iklim serta isu dan cabaran dalam sistem kesihatan negara.

Kertas putih itu menggariskan empat tonggak dan strategi reformasi kesihatan, iaitu mentransformasikan penyampaian perkhidmatan kesihatan; mempertingkatkan promosi kesihatan dan pencegahan penyakit; memastikan pembiayaan kesihatan yang mampan dan saksama; serta memperkukuhkan landasan dan tadbir urus sistem kesihatan.

17 kes penyakit paru-paru akibat e-rokok dikesan

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) menerima 17 kes penyakit paru-paru iaitu *E-Cigarette or Vaping Product Use-Associated Lung Injury* atau EVALI, yang berpunca daripada penggunaan rokok elektronik termasuk vape.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan, berkata bahan dalam cecair rokok elektronik apabila dipanaskan, menghasilkan bahan kimia yang boleh memberikan kesan keradangan pada lapisan paru-paru dan menyebabkan penyakit EVALI.

Katanya, KKM memulakan aktiviti pemantauan penyakit berkaitan penggunaan rokok elektronik termasuk EVALI melalui Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan berkaitan keperluan notifikasi bermula Jun 2022.

"KKM juga wujudkan *Clinical Practice Guidelines* (CPG) Management of EVALI (Garis Panduan Amalan Klinikal Pengurusan EVALI) pada 2021 bagi membantu pengamal perubatan mengesan dan merawat kes EVALI.

"Ini kerana sehingga Jun 2023, KKM menerima 17 kes berkaitan EVALI. Justeru, KKM memohon semua penga-

mal perubatan terus membuat notifikasi kepada KKM jika mengesan penyakit menghidap EVALI," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Beliau berkata, tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2022 turut mencatatkan peningkatan pengguna-

naan rokok elektronik dalam kalangan remaja berusia 13 tahun hingga 17 tahun, daripada 9.8 peratus pada 2017 kepada 14.9 peratus pada tahun lalu.

Katanya, peningkatan yang ketara turut berlaku dalam kalangan remaja perempuan iaitu daripada 2.8 peratus pada 2017 kepada 6.2 peratus pada 2022.

"Rokok elektronik adalah sejenis produk merokok alaf baharu dan cecair rokok elektronik yang digunakan akan dipanaskan dengan menggunakan peranti elektronik.

"Sehingga kini, penggunaan rokok elektronik terbukti mendatangkan kemudaratkan kepada penggunaannya dengan penyakit utama dikesan adalah EVALI," katanya.

Sehubungan itu, Dr Muhammad Radzi mengingatkan, rokok elektronik atau vape adalah tidak selamat kerana ia memberi kesan buruk kepada kesihatan.



Dr Muhammad Radzi

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

PPPKAM gesa senarai semula nikotin dalam akta racun

Kuala Lumpur: Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia (PPPKAM) menggesa kerajaan segera menyenaraikan semula cecair nikotin dalam Akta Racun 1952 bagi melindungi golongan kanak-kanak serta remaja negara ini daripada terdedah kepada bahaya cecair itu.

Presiden PPPKAM, Prof Dr Mohamed Rusli Abdullah, berkata pihaknya menyokong penuh usul Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) dan Persatuan Farmasi Malaysia (MPS) yang memohon kerajaan segera menyenaraikan semula cecair itu.

"Nikotin perlu disenaraikan semula disebabkan situasi semasa yang memberi petunjuk bahawa rang undang-undang baharu bagi kawalan produk merokok bakal lewat untuk dimuktamadkan keputusannya.

"Cecair nikotin yang pada masa ini sudah dinyah senarai dari senarai Akta Racun 1952 itu kini boleh diperoleh sesiapa sahaja, termasuk kanak-kanak dan remaja di bawah umur.

"Ini sudah tentu berpotensi mendedahkan golongan berkenaan terhadap penggunaan bahan itu yang boleh mengakibatkan impak negatif terhadap kesihatan," katanya semalam.

Dr Mohamed Rusli menegaskan, PPPKAM juga mahu tindakan segera bagi melindungi kesihatan generasi muda.

"Sudah pasti kita tidak mahu generasi berkenaan menjadi mangsa terhadap salahguna bahan berkenaan yang sepatutnya dikawal melalui kuasa pelaksanaan undang-undang," katanya.

Dr Mohamed Rusli berkata, menurut Pembentangan Rang Undang-Undang Baharu bagi Kawalan Produk Merokok di Parlimen oleh YB Menteri Kesihatan pada 12 Jun 2023 dirujuk ke Jawatankuasa Khas Kesihatan Parlimen untuk bacaan pertama.

“Cecair nikotin yang pada masa ini sudah dinyah senarai dari senarai Akta Racun 1952 itu kini boleh diperoleh sesiapa sahaja termasuk kanak-kanak dan remaja bawah umur”

Mohamed Rusli
Abdullah,
Presiden
PPPKAM



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : NASIONAL

Luluskan RUU kawalan tembakau segera tangani ketagihan nikotin



Wartawan BH

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Mengikuti perjalanan membawa Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 sejak tahun lalu, jelas menunjukkan perjuangan bagi menggubal akta bukan sesuatu yang mudah.

RUU ini yang sebelumnya dikenali sebagai Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 dirujuk ke Jawatankuasa Pilihan Khas (JPK) kali kedua untuk diteliti serta bagi penambahbaikan.

Ia dibuat selepas mengambil kira maklum balas diterima mengenai RUU berkenaan khususnya melalui sesi libat urus diadakan pada 6 Mac lalu.

Usaha Kementerian Kesihatan (KKM) membawa RUU ini untuk kali kedua di Dewan Rakyat wajar dipuji walaupun terpaksa berdepan liku dan cabaran sehingga menyebabkan 23 pindaan pada peruntukannya berbanding RUU dibentangkan tahun lalu.

Cuma timbul persoalan termasuk dari pakar kesihatan mengapa RUU ini perlu dibawa sekali lagi ke JPK walaupun pada persidangan Parlimen tahun lalu, ia sudah melepasi perbincangan bagi bacaan kali kedua.

Namun RUU ini tidak sempat untuk dibentangkan bagi bacaan kali ketiga susulan Parlimen dibubarkan Oktober lalu bagi memberi laluan Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

Apabila RUU ini dibawa ke JPK semula, maka jangkaan paling cepat untuk dibentangkan bagi ba-

caan kali kedua adalah pada Oktober nanti. Apa yang menimbulkan kebimbangan ialah semakin lambat RUU ini diluluskan, semakin ramai kanak-kanak mula menagih nikotin rokok elektronik atau menghisap vape.

Ia mewujudkan persepsi seolah-olah kerajaan sengaja melengah-lengahkan meluluskan RUU ini khasnya selepas kerajaan menyahsenaraikan produk cecair dan gel nikotin digunakan dalam alat rokok elektronik daripada Akta Racun 1952.

Keputusan itu sekali gus membolehkan kerajaan mengutip cukai ke atas penjualan cecair vape untuk rokok elektronik pada kadar 40 sen setiap mililiter (ml).

RM6.2 bilion kos rawat perokok

Namun, perlu difahami kerajaan juga terpaksa membelanjakan RM6.2 bilion bagi merawat perokok pada 2020 berbanding kutipan cukai produk tembakau hanya berjumlah RM3 bilion.

Sementara itu, RUU itu yang dijangka diguna pakai sepenuhnya pada 2030, bakal menjadi langkah awal bagi kerajaan untuk denormalisasi bagi amalan merokok dalam kalangan generasi penamat (GEG).

Walaupun kesannya tidak dapat dilihat dalam tempoh ini, ia menjadi kaedah intervensi bagi menangani penggunaan rokok elektronik atau vape yang melonjak 14.9 peratus tahun lalu, berbanding 9.8 peratus pada 2017.

Sehingga kini, New Zealand menjadi negara pertama berjaya meluluskan undang-undang antimerokok baharu bagi melarang individu lahir selepas 2008 membeli bahan itu atau produk tembakau.

Justeru, Malaysia perlu berjuang meluluskan RUU ini apatah lagi usaha menggubal undang-undang ini menerima sokongan 18 komuniti kawalan tembakau antarabangsa antaranya Tindakan Untuk Kesihatan dan Merokok (ASH) Amerika Syarikat (AS), ASH Kanada, ASH Scotland, Barisan Kawalan Tembakau Afrika (ATCA).

Ia termasuk Perunding Kawalan Tembakau Asia (ACTC) Hong Kong, Yayasan Asma dan Pernafasan New Zealand (ARFNZ), Kempen Akauntabiliti Pengarah Korporat Kemboja untuk Kesihatan dan Tembakau.

Namun pada masa sama, aspek penguatkuasaan juga perlu ditingkatkan bagi mengelakkan GEG membeli rokok melalui pasaran gelap. Namun hari ini, kawalan dan penguatkuasaan menyeluruh belum begitu ketara disebabkan rakyat mungkin belum cakna dengan perubahan dasar kerajaan ini.

Ketua Pasukan Bertindak Berhenti Merokok Akademik Profesor Malaysia, Prof Dr Mohamad Haniff Nik Mohamed, mendedahkan bahaya nikotin yang berupaya menyerap masuk ke dalam salur darah manusia dan mengalir ke otak untuk merangsang penghasilan kimia dikenali sebagai 'dopamine'.

Rangsangan ini jelas beliau menimbulkan keterujaan kepada penghisapnya dan ini bahaya apabila mengakibatkan gangguan otak kronik akibat digunakan secara berpanjangan sehingga menghasilkan kebergantungan fisiologi untuk mengambil tembakau.

Atas dasar itu, sokongan semua pihak diperlukan bagi memastikan perjuangan GEG ini akhirnya berbaloi dengan kelulusan RUU itu.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : LOKAL

JKN Johor terima 35 jururawat tetap, perjawatan lain

Kuala Lumpur: Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Johor akan menerima 35 jururawat tetap dan perjawatan lain termasuk Penolong Pegawai Perubatan manakala beberapa jawatan kontrak lain sedang menunggu disahkan.

Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa berkata, beliau mengambil maklum lawatan mengejut Menteri Besar Johor Datuk Onn Hafiz Ghazi ke Hospital Sultan Ismail (HSI) dan Hospital Sultanah

Aminah (HSA) baru-baru ini yang berdepan kekurangan aset perubatan serta sumber manusia terutama pegawai perubatan dan jururawat sehingga menyebabkan penutupan dua wad serta 10 bilik pembedahan.

Beliau berkata, isu itu sememangnya dalam perhatian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan penyelesaian segera sedang dalam tindakan dengan kerjasama agensi pusat.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

KKM semak keperluan sumber manusia untuk kesihatan

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan (KKM) akan menjalankan satu kajian baharu pada tahun ini bagi menyemak semula keperluan sebenar negara dalam pelbagai kategori sumber manusia untuk kesihatan.

Menterinya, Dr. Zaliha Mustafa berkata, kajian baharu itu dibuat sebagai langkah menyambut baik keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mahu meneruskan tajaan dalam bidang perubatan, pergigian serta farmasi.

Menurutnya, kajian itu akan mengambil kira impak polisi baharu yang diperkenalkan selepas tahun 2016 dan juga keperluan kesihatan rakyat.

"Dengan ini, taburan dan keperluan anggota kesihatan untuk seluruh negara dapat dipetakan dan diunjurkan dengan jelas.

"Ta juga akan menjadi evidence-base ke arah penyediaan pelan implimentasi bagi strategi dalam Kertas Putih Kesihatan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Katanya, pelan jangka panjang itu bertujuan memastikan pen-



KERAJAAN bersetuju untuk meneruskan tajaan dalam bidang perubatan, pergigian serta farmasi.

duduk mendapat akses kepada perkhidmatan kesihatan yang lebih baik.

"Justeru, KKM akan terus berbincang dengan Jabatan

Perkhidmatan Awam (JPA) bagi memastikan dasar dan perancangan kesihatan yang dirangka adalah bertepatan dengan keperluan rakyat," jelasnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

KKM semak semula keperluan sebenar tenaga kerja kesihatan

SHAH ALAM - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan menjalankan satu kajian baharu pada tahun ini untuk menyemak semula keperluan sebenar negara bagi pelbagai kategori sumber manusia untuk kesihatan.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa berkata, kajian tersebut akan mengambil kira impak polisi baharu yang diperkenalkan selepas tahun 2016 dan juga keperluan kesihatan rakyat.

"Dengan ini, taburan dan keperluan anggota kesihatan untuk seluruh negara dapat dipetakan dan diunjurkan dengan jelas.

"Kajian ini juga akan menjadi *evidence-base* ke arah penyediaan pelan implementasi bagi beberapa strategi Kertas Putih Kesihatan untuk memastikan penduduk mendapat akses kepada perkhidmatan kesihatan yang lebih baik.

"KKM akan terus berbin-cang dengan JPA bagi memastikan dasar dan perancangan kesihatan yang dirangka adalah bertepatan dengan keperluan rakyat," katanya dalam kenyataan.

Pada Ahad, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan tajaan dalam bidang perubatan, pergigian dan farmasi di bawah

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan diteruskan.

Anwar berkata, keputusan itu dibuat berdasarkan situasi semasa yang mana masih terdapat keperluan bagi sektor terbabit dalam negara.

Mengenai keputusan JPA menghentikan tajaan dalam bidang perubatan, pergigian dan farmasi, Dr Zaliha berkata, ia merupakan dasar lalu yang dibuat berpandukan dapatan kajian *Supply and Needs-Based Requirement Projections of Malaysian Human Resources for Health Using System Dynamics Approach 2016-2030*.

"Kajian ini dikatakan menunjukkan unjuran bekalan pegawai perubatan akan mengalami kebanjiran (*oversupply*) mulai 2026 hingga 2030. Walau bagaimanapun, kajian ini berdasarkan data dari tahun 2008 hingga 2015 dan kurang menggambarkan situasi semasa.

"Unjuran tenaga kerja kesihatan boleh ditambah baik dengan mengambil kira perubahan dasar kerajaan yang berlaku selepas 2015, keperluan kesihatan pasca Covid-19, perubahan beban, penyakit, perkembangan teknologi perubatan, dan keperluan perkhidmatan mengikut bidang kepakaran di sektor awam dan swasta," ujar beliau.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 21
RUANGAN : NASIONAL

Kesal RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 tidak jadi bentang

SHAH ALAM - Ikatan Komuniti Selamat meluahkan kekesalan berhubung Rang Undang-undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 yang tidak jadi dibentang di Parlimen baru-baru ini.

Pengerusinya, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, selagi RUU tersebut tidak dibahas, ia akan menunda usaha menghalang jualan produk tersebut termasuk vape dalam kalangan generasi muda.

Jelas beliau, isu berkenaan patut dilihat secara serius kerana masalah masa hadapan anak muda untuk terlibat dengan vape tidak dapat diatasi.

"Banyak badan bukan kerajaan (NGO) dan persatuan yang kesal dengan tindakan kerajaan semalam yang ingin mengkaji semula hal tersebut.

"Vape walaupun hadir dengan bau wangi seperti buah strawberi, kopi, dan sebagainya tetapi ia tetap mempunyai kandungan nikotin yang boleh mengakibatkan ketagihan dan mengundang masalah kesihatan terhadap pemuda dan pemudi kita," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Pada Isnin, Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa berkata, kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 akan dirujuk sekali lagi kepada Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Kesihatan.

Ujar beliau, perkara tersebut diambil kira selepas menerima maklum balas menerusi sesi libat urus yang diadakan pada 6 Mac lalu.

Beliau memaklumkan, melalui sesi pada minggu lalu itu ahli JKPK Kesihatan, selain ahli Parlimen, badan profesional, NGO mahukan beberapa perkara di bawah RUU terbabit dinilai dan diperincikan lebih lanjut.

Dalam pada itu, Lam Thye menggesa agar pihak kerajaan menyegerakan pembentangan RUU ini bagi membolehkan seramai mungkin anak muda diselamatkan dari bahaya produk merokok demi kesihatan awam.

"Saya juga turut ingin menyeru semua ahli parlimen untuk menyokong tindakan ini sekali gus membolehkan RUU ini diluluskan dengan segera demi masa depan Malaysia yang lebih sihat," tambah beliau.



LAM THYE

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Kertas Putih selesai isu kesihatan 15 tahun

Oleh AHMAD FADHLULLAH
ADNAN

fadhilullah.adnan@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Kertas Putih Kesihatan (HWP) yang dijadual dibentangkan hari ini adalah permulaan kepada usaha mereformasikan isu-isu dalam sistem perkhidmatan kesihatan awam secara berfasa dalam tempoh 15 tahun.

Ketika ini, sistem kesihatan negara berdepan dengan cabaran peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan susulan beban penyakit berganda dan masyarakat dijangka mencapai status populasi tua pada 2030.

Mengikut data, 1.7 juta rakyat Malaysia mempunyai tiga penyakit tidak berjangkit (NCD) utama iaitu diabetes, kolesterol tinggi dan hipertensi manakala 3.4 juta mempunyai sekurang-kurangnya dua penyakit tersebut.

Bersambung di muka 3

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

Kertas Putih selesai isu kesihatan 15 tahun

Dari muka 1

Sumber memberitahu, selain itu, kemunculan penyakit berjangkit baharu dan kemunculan semula penyakit lama juga mengancam kesiapsiagaan sistem dan daya tahan perkhidmatan kesihatan negara.

Ini ditambah pula dengan isu-isu meliputi ketidakseimbangan sumber manusia seperti isu perjawatan doktor kontrak dan kekurangan jururawat serta fasiliti kesihatan dan peralatan perubatan yang uzur dan daif yang membawa kepada masalah tempoh menunggu yang lama.

Utusan Malaysia difahamkan, Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Me-

rokok Demi Kesihatan Awam 2023 juga menjadi antara tumpuan dalam Kertas Putih itu bagi membentuk Generasi Penamat (GEG) yang diharamkan mengguna dan membeli rokok dan produk vape.

Justeru, Kertas Putih Kesihatan itu juga menggariskan empat keutamaan yang antaranya mengutamakan penjagaan kesihatan primer (PHC) mesra rakyat yang menekankan penjagaan promotif dan preventif.

Seterusnya, memperkukuhkan fungsi kesihatan awam termasuk kesiapsiagaan menghadapi krisis kesihatan yang mungkin muncul dan meningkatkan pelaburan untuk kesihatan sambil mengurangkan perbelanjaan sendiri oleh rakyat.

Kertas Putih Kesihatan juga mengandungi perubahan dasar di peringkat tertinggi untuk beralih daripada perawatan penyakit kepada penjagaan kesihatan dan kesejahteraan di semua peringkat.

Selain itu, komitmen di peringkat tertinggi untuk memastikan pembiayaan kesihatan lebih mampan, komitmen untuk memperkukuhkan asas sistem kesihatan termasuk peranan Kementerian Kesihatan, teknologi maklumat (IT), sumber manusia dan tadbir urus.

Pada masa sama, pelan tindakan Kertas Putih Kesihatan berkenaan juga akan dilaksanakan dalam melalui tiga fasa iaitu sehingga 15 tahun dan tidak akan terganggu dengan

persekitaran ekonomi yang berubah dan situasi politik dalam negara.

Sebagai rekod, Kementerian Kesihatan sebelum ini mengadakan sesi libat urus bersama golongan doktor, ahli akademik dan pihak berkepentingan lain berkaitan aspek kesihatan awam selaras dengan pembangunan Kertas Putih Kesihatan.

Dokumen Kertas Putih Kesihatan juga akan dihebahkan kepada umum setelah dipersetujui di Parlimen kelak menerusi pelbagai platform dengan orang ramai boleh melayari laman sesawang rasmi berkongsi pandangan dan memberi input terhadap dokumen tersebut.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGERI

RUU GEG boleh dapat sokongan bipartisan

Oleh FITRI NIZAM
fitri.nizam@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Kesemua 74 ahli Parlimen pembangkang bersedia menyokong usul Rang Undang-Undang Generasi Penamat (GEG) demi kepentingan rakyat dan kesejahteraan generasi masa depan, sekali gus melitihatkan RUU tersebut berpotensi diluluskan secara bipartisan.

Bagaimanapun, penambahbaikan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSC) Kesihatan perlu menepati kehendak kem pembangkang yang sebelum ini sudah pun bersetuju dengan usul RUU yang dibawa oleh bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ahli Parlimen Hulu Terengganu daripada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), Datuk Rosol Wahid berkata, pembangkang tiada masalah untuk menyokong usul tersebut memandangkan ia sesuatu yang baik untuk rakyat Malaysia.

Bahkan menurutnya, usul yang dibawa oleh Khairy pada tahun lalu sudah pun dipersetujui oleh pihaknya yang ketika itu berada di blok kerajaan.

"Isunya sekarang kerajaan membuat beberapa penambahbaikan terhadap usul asal. Jadi kita tunggu pembentangan dan bahaskannya dahulu," katanya ketika dihubungi.

Kelmarin, Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa memaklumkan RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023, atau dikenali sebagai RUU Generasi Penamat (GEG), sekali lagi dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSC) Kesihatan.



RANG Undang-Undang Generasi Penamat (GEG) termasuk melibatkan vape dirujuk semula kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSC) Kesihatan untuk penambahbaikan.

Beliau berkata, anggota PSC, Ahli Parlimen, badan profesional dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) telah menuntut beberapa perkara di bawah rang undang-undang itu dikaji semula semasa sesi libat urus minggu lepas.

Sementara itu, Ahli Parlimen Pasir Mas, Ahmad Fadhlil Shaari berkata, Pas pada dasarnya menyokong RUU tersebut seperti yang dibawa oleh Khairy pada tahun lalu.

"Kita tengok dulu apa butiran yang dibawa," katanya.

Ahli Parlimen Machang, Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal pula berkata, pihaknya mahu RUU tersebut dibahaskan terlebih dahulu.

Bagaimanapun ketika ditanya jika penambahbaikan

dibuat menepati kehendak Bersatu, adakah RUU tersebut akan disokong, beliau bersetuju dengan kenyataan berkenaan.

Antara lain, RUU Generasi Penamat yang dicadangkan tersebut bertujuan mengaharamkan penggunaan, pembelian dan penjualan rokok dan produk vape kepada mereka yang dilahirkan selepas 2007.

Sementara itu, Pakar Perlembagaan Institut Antarabangsa Pemikiran Islam dan Tamadun (ISTAC), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Datuk Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Fauzi Wan Husain berkata, tiada alasan untuk 222 ahli Parlimen tidak menyokong undang-undang tersebut.

Jelasnya, walaupun pada dasarnya kerajaan hanya memerlukan sokongan 112 ahli Parlimen untuk membolehkan sesuatu usul dibawa diluluskan, RUU tersebut membabitkan kesihatan awam seluruh rakyat.

"Ketika ini, perbincangan di peringkat jawatankuasa pemilihan amat penting untuk mendapatkan pandangan semua pihak termasuk pembangkang supaya mereka turut memberi sokongan kepada usul tersebut," ujarnya.

Tegasnya, sebagai warganegara bertanggungjawab menayakan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat, semua ahli Parlimen termasuk kem pembangkang perlu menyokongnya.

Vape bukan alternatif berhenti merokok

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengulangi kebimbangan bahawa rokok elektronik atau vape adalah tidak selamat dan boleh membawa kepada kecederaan paru-paru.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, vape juga bukan satu kaedah alternatif untuk berhenti merokok kerana penggunaan rokok elektronik terbukti mendatangkan kemudaraan kepada penggunaannya.

"Bahan-bahan yang terkandung di dalam cecair rokok elektronik apabila dipanaskan akan menghasilkan bahan kimia yang boleh memberikan kesan keradangan kepada lapisan paru-paru dan menyebabkan penyakit paru-paru.

"Sehingga Jun lalu, KKM menerima 17 kes berkaitan, justeru, KKM memohon semua pengamal perubatan agar terus membuat notifikasi kepada pihak KKM sekiranya mana-mana pesakit dikesan menghidap masalah berkaitan," katanya menerusi kenyataan akhbar semalam.

Katanya, Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2022 mencatatkan peningkatan penggunaan rokok elektronik dalam kalangan remaja berumur 13 sehingga 17 tahun iaitu dari 9.8 peratus pada tahun 2017 kepada 14.9 peratus pada tahun 2022.

Dr. Muhammad Radzi berkata, peningkatan yang ketara turut berlaku dalam kalangan remaja perempuan iaitu dari 2.8 peratus pada tahun 2017 meningkat kepada 6.2 peratus pada tahun 2022.

Selain itu, katanya, KKM juga memulakan aktiviti pemantauan penyakit berkaitan penggunaan rokok elektronik melalui Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan berkaitan keperluan notifikasi bermula Jun 2022.

Persatuan sifatkan terlampau drastik

KUALA LUMPUR: Persatuan Malaysian Vape Industry Advocacy (MVIA) tidak bersetuju dengan usul Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 atau lebih dikenali sebagai RUU Generasi Penamat (GEG) yang disifatkan sebagai satu langkah yang terlampau drastik jika dilaksanakan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presidennya, Rizani Zakaria berkata, sekiranya usul itu dilaksanakan, ia dikehuatiri beresnya mengaharamkan produk rokok elektronik dalam jangka masa panjang serta menjejaskan golongan usahawan tempatan yang telah melabur dan mengembangkan industri ini.

"Industri menyambut baik langkah kerajaan untuk merujuk RUU tersebut kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan (JKPK). Namun RUU tersebut perlu disemak semula agar ia wajar mengambil kira kepentingan dan pandangan semua pihak terutamanya berkaitan dengan cadangan GEG yang teramat kontroversial.

"Kami juga melihat ia adalah suatu langkah yang terlampau drastik untuk diambil. Malah ia juga memberikan mesej yang salah kepada pelabur asing dalam industri ini. Sekiranya ia dilaksanakan, sudah pasti ia akan membuatkan pelabur beralih ke negara lain.

"Semua pihak perlu mencari

penyelesaian yang seimbang dalam perkara ini dan industri memohon agar JKPK membuat sesi perbincangan dengan semua pihak dan mengkaji dengan menyeluruh cadangan GEG ini," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Semalam, *Utusan Malaysia* melaporkan RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 akan dirujuk kepada JKPK buat kali kedua.

Selain itu, menurut Rizani, pihaknya juga berpendapat kerajaan wajar mengambil langkah untuk meminda peraturan sedia ada untuk memperkenalkan peraturan mengawal selia industri vape sambil menunggu kajian dan perbincangan yang

teliti dibuat JKPK berkenaan RUU dan cadangan GEG ini.

"Dengan mengambil langkah meminda peraturan sedia ada seperti Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004, langkah ini akan dapat memperkenalkan larangan penjualan dan penggunaan oleh individu yang di bawah umur dan terus membendung isu ini daripada berlarutan yang turut menjadi perhatian utama kami.

"Malah, ia juga akan dapat memperkenalkan peraturan untuk mengawal kandungan dalam produk vape seperti had nikotin, larangan kandungan yang berbahaya serta memastikan aktiviti pemasaran dan penjualan tidak ditujukan kepada individu bawah umur," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEWS / NATION

Over 60,000 compound notices issued for smoking offences

MORE than 60,000 notices with compound values of RM16.78 million were issued nationwide for smoking at public premises, including eateries, throughout last year.

Health Minister Dr Zaliha

Mustafa, in a written reply yesterday, said 201,265 premises were visited and inspected by the authorities.

A total of 67,123 notices were issued under the Regulation 11 (1) of the Control of Tobacco Product

Regulations 2004 (Amended) 2018.

"Between Jan 1 and April 30 this year, 78,920 premises were checked.

"A total of 32,473 smoking violation notices were issued under

the same regulation, and the compound value is about RM 8.1 million," she added.

She was responding to a question by Kamal Ashaari (PN-Kuala Krau) on the enforcement of the smoking ban in pub-

lic premises.

She added that the State Health Departments and the District Health Offices would conduct visits to hotspot localities based on the complaints received.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATION

Public healthcare fees to be reviewed

Patients to be charged according to their income, says White Paper

KUALA LUMPUR: The fee structure at the Health Ministry's public healthcare facilities will be reviewed, the Health White Paper says.

The 57-page policy paper, which was issued in the Dewan Rakyat, said the review of the fees will be made in accordance with the patient's budget.

This will ensure that health services are affordable for low-income households.

"The low fee rate at public healthcare facilities is a well-cher-

ished feature of the healthcare system, whereby the public are given access to the healthcare system at an affordable cost," it said.

However, the paper noted that the fee structure, which is the same for all, has created a disparity of sorts, especially when it comes to high-income households.

"For the sustainability of healthcare expenditure, the fee imposed on public healthcare will be reviewed so that it is compatible

with affordability.

"Nevertheless, the safety net for low-income households will be maintained," it added.

A health benefits package will also be created.

This package will list healthcare and medicine services which will be accessible at an affordable rate.

The package is expected to cover aspects such as promotive and preventive medicine services from primary healthcare to hospitalisation.

The paper said the package will ensure that health and financial burdens are cross subsidised.

"The reforms strategy will contribute to less out-of-pocket expenditure and reduce detrimental health expenditure," it added.

The health benefits package will be funded through a non-profit healthcare fund by the government.

"The fund might also include contributions from individuals and donors in the future," it said.

There have been calls from healthcare groups for a review of the RM1 outpatient and RM5 specialist care fees at facilities operated by the Health Ministry.

In a written parliamentary reply on July 19, 2022, former health minister Khairy Jamaluddin said the fee is no longer sustainable.

He added the government's healthcare expenditure had increased by 190% from RM12.6bil in 2006 to RM36.6bil in 2021.

Rise of NCDs, new diseases among social challenges

KUALA LUMPUR: The rise in non-communicable diseases (NCDs) and the emergence of both new infectious diseases and resurging infectious diseases are among the social challenges faced by the Malaysian healthcare system, the Health White Paper reported.

The document also said that NCDs, or chronic diseases, were the main cause of deaths in Malaysia.

The main contributors to deaths were cardiovascular diseases, chronic respiratory diseases, cancer and diabetes.

"The challenge of controlling NCDs is also increasingly complicated due to a lack of awareness, late diagnosis and low adherence to treatment.

"Most cases are not detected at

the early stages.

"Those from lower income groups and rural areas are also more susceptible to having NCDs," it said.

It is also estimated that 98% of the Malaysian adult population has at least one NCD risk factor.

"Obesity is also a main indicator contributing to NCD prevalence.

"Most concerning is how Malaysia has the highest obesity prevalence in South-East Asia," it read.

The document also noted how the rise in NCDs resulted in increasing treatment costs due to expensive long-term treatments for cardiovascular and kidney diseases.

"Apart from healthcare costs, NCDs also contribute to a loss in

productivity, causing the economy to lose an estimated 1% of its Gross Domestic Product (GDP)," the report said.

Recent studies also predicted an increasing probability and frequency of new infectious disease pandemics in the coming decades, the document reported.

It said population growth, changes in eating habits, deterioration in the planet's health, and urbanisation, also contribute towards an increasing spread of pathogens from wildlife to humans.

"The spread of pathogens from wildlife to humans contributed approximately 60-75% of pandemics and the spread of infectious diseases.

"The resurgence of infectious diseases such as measles, tubercu-

losis and HIV is also concerning," it said.

The White Paper said there are many factors that influence the resurgence of these diseases, including declining vaccination rates, microbe adaptation, increasing vulnerability towards infections, demographic changes and human behaviour, landscape urbanisation, and social inequality, among others.

"The emergence of new infectious diseases and the resurgence of other infectious diseases have also burdened the healthcare system, the preparedness mechanism, and treatment capacity through the increasing use of public hospitals, quarantine centres, and primary health clinics during the height of the Covid-19 pandemic," it said.

Access to services still a struggle for some groups

KUALA LUMPUR: Access to healthcare services remains a challenge for certain segments of the population because of limited healthcare resources, according to the Health White Paper.

It said the Health Ministry will give priority to the planning and monitoring of resources to ensure at-risk groups receive adequate healthcare services.

"Current policies will be reviewed and updated to address disparities within the country, facilitating a more integrated effort, involving coordination among stakeholders," it added.

The Health White Paper said this will help reduce and better monitor disparities between regions and groups.

The report also recommended strengthening coordination platforms with ministries and agencies involved in social care, as well as reassessing and improving healthcare system preparedness strategies for future ageing needs, which it finds necessary.

"The projections for services, facilities, human resources, technology, and allocations, will be included in this scope, along with options to expand health benefit packages and contribution schemes to cover long-term care."

The geographical and socio-economic characteristics, especially in Sabah and Sarawak, pose particular challenges in healthcare equity, noted the report.

"Cooperation will be established with state representatives to enhance processes involving resource allocation, planning, services, technology, and human resources, based on current needs," the paper also said.

Another matter that requires attention is the provision of healthcare to non-citizens, including undocumented individuals, foreign workers, and refugees.

"Healthcare access for vulnerable groups such as indigenous people, persons with disabilities, those living with HIV, victims of domestic violence, prison inmates, homeless, and other groups in need of support or protection, will be examined and enhanced," it said.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NATION

RM300,000 unregistered medical devices confiscated

BATU PAHAT: More than RM300,000 worth of unregistered medical devices that were sold to pharmacies and private clinics nationwide were confiscated by the Health Ministry during a raid on a company in Taman Perindustrian Wawasan here.

The owner of the company, which has been in operation since 2017, had been given a warning letter back in 2018 and 2022 but continued to run his operations, according to Medical Device Authority (MDA) surveillance and operations unit chief Dery Akmal Abdul Rahman.

"The first warning in 2018 was based on a public complaint as the owner, a 40-year-old man, was found to be selling two types of unregistered medical devices."

"After another complaint was lodged in July last year, we issued a second warning to the company, this time for selling five types of unregistered medical devices," he said when met by reporters at the location after the raid was conducted at 10am yesterday.

He added that the company had allegedly been selling unregistered medical devices imported from China to pharmacies and private clinics across the country.

Dery Akmal said the MDA had conducted surveillance lasting six months and investigations on the company before the operation.

He added that the ministry had also investigated all of the pharmacies and private clinics that bought the unregistered medical items from the company.

"The use of unregistered medical devices is dangerous due to the unknown risks it poses to our health," he explained.

Among the confiscated items were face masks, pregnancy test kits, first aid kits, blood lancets and gauze," he said, adding there were five workers at the company during the raid.

No arrest was made as the company owner had promised to give his full cooperation to the case, said Dery Akmal.

The case is being investigated under Section 5(1) of the Medical Device Act 2012 (Act 737) for selling an unregistered medical device.